

13 JAN 1999

Anwar-Saman

WRIT SAMAN ANWAR DISERAH KEPADA PEGUAM NEGARA

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Writ saman oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku bekas Menteri Dalam Negeri, bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor dan kerajaan Malaysia berhubung kecederaan yang dialaminya sewaktu dalam tahanan polis, diserahkan kepada Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah hari ini.

Peguam Anwar, Karpal Singh hari ini memberitahu pemberita, writ itu diserahkan di kamar Peguam Negara pada 9.08 pagi tadi.

Beliau berkata Peguam Negara menerima writ saman itu bagi pihak ketiga-tiga responden.

Anwar, 51, bekas timbalan perdana menteri dan menteri kewangan, memfailkan saman itu pada 8 Jan lepas, menuntut ganti rugi teladan dan ganti rugi teruk dengan alasan beliau mengalami trauma, penghinaan, penderitaan dan layanan yang memalukan sepanjang penahanan itu.

Beliau turut menuntut faedah atas jumlah penghakiman pada suatu kadar dan pada suatu jangkamasa yang difikirkan wajar oleh mahkamah, kos dan apa-apa ganti rugi lain yang difikirkan sesuai oleh mahkamah.

Dalam pernyataan tuntutananya Anwar berkata beliau ditangkap pada pada 10 malam 20 Sept 1998 di kediamannya dan dibawa ke Bukit Aman dan diletakkan dalam sebuah lokap.

Antara 11 malam dan 11.30 malam sewaktu matanya diikat dan tangannya digari dari belakang, beliau telah diarahkan bangun dan tiba-tiba beliau merasa satu tumbukan kuat pada mata kiri dan dahinya, menurut pernyataan itu.

Beliau juga mendakwa dipukul di kepala dan sebelah kiri lehernya serta ditampar dengan teruk beberapa kali sehingga darah mengalir dari hidung dan mulut.

Pada 5 Jan, Mohtar dalam kenyataan akhbarnya menyebut siasatan awal pasukan penyiasat menunjukkan Polis Diraja Malaysia bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kecederaan Anwar semasa beliau dalam tahanan polis.

Bagaimanapun, menurut Peguam Negara di peringkat ini siasatan yang dijalankan belum mengenal pasti siapa yang bertanggungjawab terhadap kecederaan berkenaan.

Berikutan kenyataan itu, Abdul Rahim meletakkan jawatan berkuatkuasa Jumaat lepas kerana mengambil tanggungjawab sepenuhnya.

-- BERNAMA

KLS MAI